

Bil. 25

**Selasa
19 Mei 2015**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

**Kawalan Pengurusan Tadbir Urus
1Malaysia Development Berhad (1MDB)**

- Kementerian Kewangan
- Unit Perancang Ekonomi

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KETIGA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
SELASA, 19 MEI 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]
Puan Siti Rohaini binti Roslan [Penolong Pegawai Teknologi Maklumat]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Haji Anwar bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
YBhg. Datuk Juhari bin Haron [Pengarah Sektor Pengurusan (Susulan Audit)]
Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Nik Mazian binti Mohammad [Ketua Penolong Pengarah Sektor Audit
Badan Berkanun Persekutuan (Kewangan)]
Encik Asrul Izeham bin Yacob [Penolong Pengarah Kanan Sektor Audit
Badan Berkanun Persekutuan (Sosial)]
Encik Mohd Fadhli bin Khalid [Penolong Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan
(Syarikat Kerajaan)]

Kementerian Kewangan

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen & Kabinet)]

(Samb/-)

HADIR BERSAMA *(Samb/-)***Jabatan Akauntan Negara**

Puan Maslina binti Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Jabatan Perkhidmatan Awam

YBhg. Dato' Mohtar bin Mohd. Abd. Rahman [Pengarah Bahagian Perkhidmatan]
Encik Mohamad Fauzi bin Md. Isa [Timbalan Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Organisasi]
Puan Eizan Azura binti Zainudin [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Kewangan Malaysia**

YBhg. Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar bin Abdullah [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]
YBhg. Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain [Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan]
YBhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir [Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik]
Puan Normazli binti Abdul Rahim [Peguam Cara Perbendaharaan]
Encik Ahmad Suhaimi bin Endut [Timbalan Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan]
Encik Razali bin Othman [Ketua Penolong Setiausaha Kanan Seksyen Penilaian,
Penswastaaan dan Pembiayaan]
Puan Afidah Azwa binti Abdul Aziz [Ketua Penolong Setiausaha Kanan Seksyen Penilaian, Penswastaaan
dan Pembiayaan]
Encik Faisal@Pisal bin Abdul Ghani [Ketua Penolong Setiausaha Sektor Tadbir Urus Korporat]
Encik Mohd Shihabuddin bin Mukhtar [Ketua Penolong Setiausaha Sektor Strategik dan Am]
Encik Iszad Jefferi bin Ismail [Ketua Penolong Setiausaha Sektor Strategik dan Am]
Puan Noorhasnida binti Khairuddin [Penolong Setiausaha Seksyen Penilaian,
Penswastaaan dan Pembiayaan]
Encik Mohamed Farhan bin Mohamed Ainuddin [Penolong Setiausaha Seksyen Penilaian,
Penswastaaan dan Pembiayaan]
Encik Anas Hilmi bin Ahmad [Penolong Setiausaha Sektor Strategik dan Am]
Encik Muhammad Khairul Fuadi bin Hamdan [Penolong Setiausaha Sektor Komersil]
Encik Mohd Zahrain bin Mohd Nor [Setiausaha Sulit Kanan Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

Unit Perancang Ekonomi

YBhg. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff [Ketua Pengarah]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA****Selasa, 19 Mei 2015****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.23 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, Datuk Anwari, Timbalan Ketua Audit Negara bersama dengan pasukan Audit, wakil-wakil daripada kementerian seterusnya para hadirin sekalian.

Pada hari ini PAC akan memulakan mesyuarat pertama dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen Ketiga Belas dan ini adalah mesyuarat yang ke-25 Jawatankuasa ini dalam tempoh pertama tahun ini.

Prosiding hari ini membabitkan Syarikat 1MDB atau 1Malaysia Development Berhad, syarikat milik penuh Kementerian Kewangan, khusus mengenai tajuk Kawalan Pengurusan Tadbir Urus Syarikat 1Malaysia Development Berhad. Pada prosiding pagi ini, PAC akan mendengar penjelasan daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Irwan Siregar Abdullah dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff terhadap kawalan kerajaan terhadap pengurusan tadbir urus syarikat ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, untuk makluman semua, PAC Parlimen ke-12 yang dipengerusikan Yang Berhormat Tan Sri Azmi Khalid pernah memanggil pihak EPU dan 1MDB sebanyak dua kali iaitu pada 22 November 2011 dan Jun 2012 bagi memberikan penjelasan berkenaan dengan fungsi dan aktiviti 1MDB.

Pada hari ini saya hendak maklumkan kepada peserta dalam bilik ini, memandangkan isu yang ditimbulkan ini adalah sensitif dan menarik banyak tohmahan, tuduhan dan tanggapan dan sebagainya yang perlu disahihkan oleh Jawatankuasa ini ya, sebelum kita terima apa-apa maklumat, tohmahan dan tanggapan tersebut, saya harap apa yang kita bincangkan dalam mesyuarat ini tidak akan dizahirkan kepada pihak luar daripada Dewan ini. *Hansard* kita, tolong ya rahsiakan sampai kita buat keputusan untuk siapkan laporan kita. Saya tak nak nanti apa perkara mengenai prosiding kita yang kita buat dibocorkan kepada orang luar ya.

Sekarang ini kita pun sudah ramai orang luar yang memandai-mandai hendak bagi kita soalan cepumas, soalan menelaah untuk kita buat, untuk kita tanya kepada saksi-saksi yang akan dipanggil. Saya tak nak PAC nanti dijadikan satu alat untuk kepentingan politik ataupun untuk kepentingan mana-mana pihak yang akhirnya akan menimbulkan keraguan kepada kerja PAC kita sendiri. Hari ini integriti

kita, profesionalisme kita dan juga imej kita perlu dijaga bagi memastikan bahawa laporan yang kita akan hasilkan nanti mempunyai nilai yang tinggi, mempunyai nilai yang boleh digunakan oleh rakyat untuk membuat penilaian mereka mengenai isu 1MDB ini. Jadi saya tegaskan sekali lagi, tolong ya jangan zahirkan apa-apa yang dikeluarkan di sini.

Begitu juga apa-apa *statement* PAC, saya akan buat sebagai pengerusi. Tidak ada orang yang lain yang boleh buat *statement* apa-apa bagi pihak PAC melainkan pengerusi. Okey?

Jadi tanpa melengahkan masa lagi- Timbalan Ketua Audit Negara, Datuk Anwari, prosiding kita ini dibuat tanpa menunggu Laporan Ketua Audit Negara, saya minta maaf. Kita dah bincang dalam Mesyuarat PAC kita itu hari pada 30 hari bulan bahawa kita tidak sempat hendak menunggu lagi Laporan Ketua Audit Negara, walaupun selepas itu Tan Sri Ambrin telah membuat kenyataan bahawa Audit Negara akan menerbitkan satu laporan pada akhir bulan Jun nanti ya. Akan tetapi tidak apalah, kita buat kerja ini biar selari. Kita akan terima Laporan AG nanti waktu ia dibentangkan pada kita dan kita akan mengambil kiralah maklumat dan juga rumusan yang telah ditetapkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebut.

Jadi itu sahajalah. Kalau ada ulasan sikit daripada AG, ada *update* mengenai laporan tersebut? Tidak ada ya? Tengok, Ketua Audit Negara pun...

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Embargo itu.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Embargo pasal isu ini... [Disampuk] Okey. Ada lain-lain maklumat daripada wakil-wakil kementerian sebelum kita panggil? Encik Rosli tidak payah cakaplah, bos awak dah datang dah [Ketawa]

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Dia diam sahaja [Ketawa] Okey, jadi kalau tidak ada apa-apa lagi, kita boleh mulakan prosiding pada hari ini.

Sebelum itu, saya hendak maklumkan metodologi PAC dalam menangani isu 1MDB ini. Hari ini kita panggil Ketua Pengarah EPU dengan KSP MoF pasal kita hendak tahu siapa jadi pegawai pengawal untuk 1MDB ini. Selepas kita sudah tentukan nanti, kalau MoF, MoF lah, kalau EPU, EPU lah. Kalau 1MDB ini diberikan pengecualian, dia jadi badan yang bebas, yang ditadbir oleh lembaga pengarah dia, selepas ini kita akan panggil lembaga pengarah dia pula untuk datang menjawab.

■1130

Itu pertama. Nak *establish the organization responsible and the authority responsible and who give the source authority to the decision made by 1MDB*. Number two, pada 26 Mei ini PAC telah mengeluarkan surat kepada Datuk Shahrol Helmi... [Disampuk] Ha, kita telah mengeluarkan surat kepada Tan Sri KSP untuk mencari Datuk Shahrol Helmi yang dulu jadi CEO 1MDB pada awalnya dan juga Encik Arul Kanda, CEO 1MDB sekarang ini untuk datang menjawab soalan daripada PAC khusus mengenai operasi.

Hari ini *governance and authority. Next week is operation. That's why we call the CEO to come.* Lepas itu, kalau ada masalah mengenai akaun dan sebagainya, mungkin untuk nak menguatkan lagi kita punya prosiding, kita panggil *auditor* pula. Jadi *this proceeding is organic* ya. Organik maknanya kita menjalankan prosiding ini, lepas itu kita mencari rumusan awal, dan siapa yang kita nak panggil seterusnya. So, prosiding ini *is open-ended. Open-ended meaning we won't have a time period, we won't have a very narrow scope. We are open. The reason is because almost every week* ada maklumat dan juga tohmahan yang timbul dalam *online media*, dan sebagainya yang menimbulkan kesukaran untuk kita nak *narrow* kita punya skop dan nak tutup kita punya prosiding.

Akan tetapi tak apa lah, *we go along as far as we can go. Then we can establish a conclusion. Then we can decide to close the report.* Jadi itu dia punya macam *terms of reference* lah yang akan dipakai dalam prosiding kita ini sementara menunggu Laporan Ketua Audit Negara dan sebagainya. Jadi itu sahajalah sedikit rumusan saya nak beri. Ahli-ahli PAC ada apa-apa pandangan lagi? Kalau tidak ada, sila panggil saksi untuk masuk. Terima kasih.

[Saksi-saksi masuk mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi: Okey boleh kita mula? Terima kasih Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohamad Irwan Serigar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, dan juga Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi. Nak cakap selamat datang kah tak? *[Ketawa]* Terima kasih kerana dapat menghadirkan diri kepada Prosiding PAC pada hari ini yang khusus untuk membincangkan mengenai Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB), syarikat milik penuh Kementerian Kewangan mengenai kawalan pengurusan tadbir urus Syarikat 1Malaysia Development Berhad ini.

■1140

Jadi pada hari ini sebenarnya Tan Sri dan Datuk Seri dipanggil khusus untuk mengenal pasti siapakah pegawai pengawal yang bertanggungjawab terhadap *governance* Syarikat 1MDB ini. Kami di pihak PAC ada kekeliruan sedikit kerana Syarikat 1MDB ini merupakan syarikat seratus peratus milik Kementerian Kewangan, MKD kalau tidak silap saya. Akan tetapi, pada Parlimen Kedua Belas yang lepas, PAC pada ketika itu- waktu itu saya, dan juga ramai daripada Ahli-ahli PAC sekarang ini juga merupakan Ahli PAC pada ketika itu, ketika itu PAC dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Azmi Khalid. Kita pernah memanggil Syarikat 1MDB ini sebanyak dua kali pada 22 November 2011, dan Jun 2012 untuk memberikan penjelasan berkenaan dengan fungsi dan aktiviti 1MDB. Jadi ada kekeliruan sedikit, macam mana kalau 1MDB ini daripada awal merupakan syarikat seratus peratus milik Kementerian Kewangan, tetapi datang menjawab kepada PAC ketika itu ialah Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi sendiri sebagai wakil daripada EPU.

Jadi kita hendak pastikan sekarang ini, sama ada siapa pegawai pengawal sebenar dalam tempoh waktu 1MDB ini ditubuhkan pada tahun 2009 sampai sekarang, ataupun adakah 1MDB ini merupakan sebuah syarikat yang mempunyai autonomi seperti Khazanah katakan, yang mempunyai lembaga pengarahnya sendiri yang dipantau oleh *Putrajaya GLC Committee* dan sebagainya? Kita juga hendak tahu sumber autoriti yang telah diturunkan bersama-sama dengan wang yang telah disediakan atau dimasukkan dalam 1MDB ini termasuk hutang-hutang yang telah diambil oleh syarikat ini. Dari manakah sumber autoriti yang meluluskan kewangan syarikat ini? Itu satu.

Kedua, saya rasa saya terima surat daripada Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi yang bertarikh 8 Mei 2015 yang Datuk Seri Dr. Rahamat mengatakan bahawa EPU bukan pegawai pengawal dan tidak terlibat dalam pengawalan Syarikat 1MDB ini, dan Unit Perancang Ekonomi tidak mempunyai wakil dalam Ahli Lembaga Pengarah, dan tidak terlibat dalam tadbir urus Syarikat 1MDB. Juga di sini dikatakan bahawa EPU, Jabatan Perdana Menteri hanya terlibat sebagai penyelaras dua projek Syarikat 1MDB iaitu perpindahan Pangkalan Udara Sungai Besi, Kuala Lumpur dan Tun Razak Exchange.

Jadi kita juga hendak tahu, bagaimanakah penyelarasan projek ini dibuat, yang mana tanah kerajaan ini iaitu di Projek Pangkalan Udara Sungai Besi dan Tun Razak Exchange ini diserapkan dalam Syarikat 1MDB ini. Bagaimanakah metodologi dan juga *due diligence* yang dibuat untuk hendak menyerapkan dua keping tanah ini dalam Syarikat 1MDB? Itu menimbulkan juga keraguan kepada PAC.

Selain daripada itu, dalam surat ini pun disebut bahawa Yang Berhormat Tan Sri Dato' Nor Mohamed Yakcop iaitu mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk EPU pernah menjawab pertanyaan berhubung projek 1MDB ini di Parlimen. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Nor Mohamed Yakcop menjawab pertanyaan tersebut atas kapasiti beliau sebagai Ahli Lembaga Penasihat 1MDB dan bukan mewakili EPU dan JPM.

Dalam Parlimen, yang menjawab Menteri, bukannya individu dalam kapasiti yang lain. Jadi, ini juga menimbulkan satu tanda tanya juga berhubung dengan kapasiti Tan Sri Dato' Nor Mohamed Yakcop sendiri untuk menjawab soalan ini di Parlimen, walaupun dia bukan Menteri yang bertanggungjawab tetapi dia menjawab sebagai Ahli Lembaga Penasihat 1MDB.

Jadi, saya berharap isu-isu ini dapat kita tumpukan pada hari ini. Kalau- saya tidak tahulah bagaimana rakan-rakan saya dalam PAC akan bertanya, tetapi kalau sudah penat hendak menjawab, kita boleh sambung lagi pada masa yang lain. Ini kerana sekarang Datuk dan Tan Sri, orang sudah pandai-pandai beri kita FAQ pula... [*Sambil menunjukkan senaskhah akhbar*] *The Edge*. Ini salah satu sahaja yang sudah memandai-memandai hendak beritahu kita PAC bagaimana hendak tanya soalan. Ada lagi blog dan sebagainya, beri kita nasihat dan memutarakan isu ini juga menjadi isu politik. Kita di sini hendak buat penyiasatan ini secara objektif dan secara profesional dan kita tak nak didorong oleh mana-mana pihak.

Jadi saya serahkan kepada Jawatankuasa PAC untuk apa-apa soalan kerana pada hari ini, integriti kami sebagai Ahli Jawatankuasa PAC juga diletakkan pada satu tahap yang tinggilah. *Our test of fire* pada hari ini *is very hot*.

Jadi, kita hendak pastikan kita mendalami isu ini dengan secukupnya, kita mendapatkan jawapan, yang akhirnya akan dibukukan dalam laporan kita yang akan digunakan oleh rakyat untuk membuat penilaian mengenai pengurusan Syarikat 1MDB ini sendiri.

Jadi saya rasa *those are the main trust of the proceeding today, but I think we should open the scope to any questions since both of you are available today. Any questions about 1MDB, you know, we can ask you about it.*

And as usual, if you want to be recorded on Hansard, switch on the mike and if you do not want anything be recorded in Hansard, switch off the mike. Itu dia punya hak yang ada pada saksi yang hadir pada PAC hari ini.

Jadi, selepas ini kita sudah buat keputusan hendak panggil mantan CEO dan juga CEO 1MDB sekarang, pada 26 hari bulan ini. Kita berharap mereka akan dapat datang, Tan Sri. Juga selepas itu, kalau ada keperluan sekiranya telah tertunjuklah katakan bahawa *Board 1MDB* boleh buat keputusan cara ikut autoriti mereka sendiri, kita akan panggil *Board* pula. Selepas itu kalau kita hendak dapatkan pengesahan mengenai kedudukan kewangan 1MDB, kita akan panggil *Auditor* pula untuk datang ke PAC ini. Jadi, itu dia punya metodologinya.

Jadi kalau tidak ada apa-apa soalan lagi, saya minta Tan Sri, Datuk untuk mulakan sedikit taklimat jika ada.

Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar bin Abdullah [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pada pagi ini, saya dan pegawai-pegawai saya daripada Kementerian Kewangan iaitu sebelah kanan saya Dato' Dr. Mohamad Isa iaitu Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan ataupun MKD dan sebelahnya Datuk Ahmad Badri iaitu Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik, yang jaga mengenai GG, *Government loans* dan sebagainya. Jadi, kedua-dua mereka ini yang menjaga kedua-dua aspek itu, jadi saya bawa.

Jadi hari ini, pihak MoF akan memberi kronologi-kronologi penubuhan 1MDB dan urusannya dengan Kementerian Kewangan. Segala penerangan pada pagi ini akan diberikan adalah berpandukan kepada maklumat dan dokumen yang terdapat di MoF.

■1150

Ini disebabkan untuk makluman Ahli-ahli PAC, pada masa 1MDB ditubuhkan pada tahun 2009, ramai pegawai-pegawai yang ada di sini bukan secara langsung bertanggungjawab. Sebagai contoh saya sendiri pada tahun 2009, saya ialah Setiausaha Bahagian Ekonomi, jaga urusan ekonomi. Saya tidak tahu satu benda pun mengenai 1MDB pada tahun 2009. Ini bukan hendak mengelakkan diri, tapi hendak jelaskan pada penubuhannya, pada masa itu KSP orang lain. Jadi saya ambil alih pada tahun 2012, 1MDB masih wujudlah pada tahun 2012. Jadi hari ini saya akan menerangkan berpandukan kepada fail. *All document in the file we will explain to you. Nothing more than that. It's on what is available in the file.*

Jadi asal 1MDB adalah daripada TIA iaitu *Terengganu Investment Authority*. Asalnya kita hendak tubuhkan *Terengganu Investment Authority* sebagai sebuah entiti pelaburan strategik kerajaan dalam bidang hartanah, komersial dan *residential* serta bidang *energy*, sumber tenaga. Akan tetapi ada berlaku kegagalan dalam perbincangan, maka 1MDB ditubuhkan sebagai sebuah syarikat di bawah Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu, di bawah JPM. Kemudian dipindahkan kepada MoF di bawah Menteri Kewangan...

Tuan Pengerusi: Ini tahun 2009 itulah?... Tahun 2009 itu sendiri?

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Siregar bin Abdullah: Tahun 2009. Nanti *detailnya* pegawai saya akan *explain*. Saya ini *intro [Ketawa]* Jadi segala kelulusan-kelulusan MoF ke atas permohonan 1MDB untuk mendapatkan Jaminan Kerajaan (GG) dan juga untuk mendapatkan pinjaman kerajaan adalah dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri, barulah kita membuat urusan dengan 1MDB. Yang ini jelas, *every transaction* MoF sama ada beri GG *and everything was tabled to Cabinet first*, mendapat kelulusan Kabinet, barulah kita *disburse whatever*.

Soalan tadi pada permulaan Tuan Pengerusi tanya itu, siapa pegawai pengawal, siapa Menteri yang bertanggungjawab, semuanya ada di dalam M&A. M&A jelas. Sebagai contohnya, *special shareholder* ini MoF tetapi Menteri yang didefinisi dalam M&A ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri. *So, Minister in the Prime Minister Department. And then* ada juga item 117 dalam M&A jelas menyatakan segala urusan ini mesti mendapat kelulusan daripada Perdana Menteri. Walaupun hendak tukar *board member* kah, hendak buat *investment* apa semua, kalau tengok dalam M&A, Artikel 117, jelas *everything had to go through PM*.

Itu sahaja. Saya berhenti di sini. Saya bagi Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi lah kalau dia hendak bercakap. Kalau tidak, pegawai saya akan berikan penerangan yang *detail*.

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff [Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada pandangan saya- sebabnya saya hanya akan bercakap mengenai Bandar Malaysia dan juga TRX, bagaimana penglibatan EPU dalam Bandar Malaysia dan TRX. *If you allow me, I will do that for this opening*.

Saya mulakan dengan Bandar Malaysia dulu. Penglibatan EPU di dalam Bandar Malaysia adalah kerana pada 28 April 2010, terdapat cadangan bahawa Bandar Malaysia akan dijadikan sebagai cadangan pembangunan strategik Kuala Lumpur dan apa-apa yang ada di atas tanah di Bandar Malaysia, masa itu ia tak dikenal "Bandar Malaysia" lagi, ia akan dipindahkan dari kawasan tersebut dan penglibatan EPU adalah bagi tujuan pemindahan tersebut. Keputusan itu dibuat oleh Kabinet dalam mesyuarat pada 28 April.

Bermula daripada itu, EPU telah pun menubuhkan beberapa buah Jawatankuasa yang dipersetujui oleh Kabinet juga untuk melaksanakan tugas bagi pembangunan kawasan-kawasan baru untuk polis, *army* dan juga sesiapa juga yang ada di atas tanah yang hendak digunakan, yang diserahkan milik kepada 1MDB.

Sepanjang mesyuarat-mesyuarat yang kita adakan, adalah untuk melihat bagaimana pemindahan itu dibuat, penilaian terhadap apa-apa yang ada di atas tanah dan sebagainya berasaskan keputusan Kabinet supaya perpindahan itu adalah *one-to-one*. Apa yang ada digantikan dengan secara setara.

Akan tetapi, dalam usaha kita untuk membuat perpindahan tersebut, kementerian-kementerian yang berkaitan terutamanya *army* dan juga polis telah juga meminta supaya pembaikan-pembaikan dibuat bersekali. Sebabnya, kita kata sudah dipindah, *some of the equipment* dan sebagainya ataupun pembangunan itu kecil ataupun *equipment* itu sudah *outdated* dan sebagainya, minta ditukarkan.

Oleh sebab ada pertukaran tersebut, jadi kita bersetuju pertambahan tersebut dibiayai oleh kerajaan. Jadi kos keseluruhan pemindahan Bandar Malaysia RM2.7 bilion. RM1.1 bilion ditanggung oleh kerajaan, dan RM1.6 bilion lebih kurang macam itulah ditanggung oleh 1MDB. RM1.1 bilion itu disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh mulai tahun 2012. Kita ada *tablekan* di Parlimen di bawah peruntukan Kementerian Kewangan sebabnya peruntukan ini dikawal selia oleh Kementerian Kewangan sebagai agensi yang mengawal selia 1MDB. Jadi perkara itu memang ada di dalam Laporan Kewangan di Parlimen, dalam itu ada, yang menyatakan tajuk dia kita letak hanya "1MDB", sahaja. Kita letak total di situ RM1.1 dan seterusnya kita letakkan berapa yang kita bagi mengikut tiap-tiap tahun berasaskan kepada keperluan yang dipohon oleh 1MDB. Untuk itu, kita sudah bagi sejak tahun 2012 dan pada tahun ini adalah memberikan yang selebihnya sahaja iaitu sebanyak RM31 juta.

Maknanya pemberian sudah dibuat di bawah peruntukan pembangunan telah habis dan projek-projek ada yang telah selesai dan ada lima lagi projek dalam proses pelaksanaan. Kita ada lapan buah kawasan di mana pemindahan ini berlaku. Satunya, TUDM kita pindahkan ke Butterworth. TUDM juga kita pindahkan di Gong Kedak. PDRM ke Ipoh. PDRM sudah selesai di Ipoh. 31 Rejimen Artileri Diraja (RAD) di Kajang. TUDM di Sendayan, Subang, Kuantan dan PDRM di Subang. Ini semua sekarang tengah dalam proses pelaksanaan.

PMCnya EPU yang diketuai oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi ataupun pegawai yang dilantik untuk mengganti. Wakil-wakil yang kita ada, wakil Kementerian Kewangan, wakil Jabatan Kerja Raya dan wakil-wakil kerajaan yang *stakeholders*, maknanya KDN, Kementerian Pertahanan. Kita juga ada wakil 1MDB dalam PMC tersebut. Bahawa dia dalam mesyuarat-mesyuarat yang dipanggil, dia akan *update* EPU mengenai pelaksanaan hanya di projek-projek yang lapan itu sahaja. So, 1MDB masih di tahap tersebut.

Untuk TRX, EPU diminta juga oleh Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 29 Jun 2012 untuk membantu daripada segi pelaksanaan TRX. Kita ada beberapa Jawatankuasa yang kita tubuhkan selaras dengan keputusan tersebut. Pertamanya, pasukan petugas khas untuk TRX yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang *in charge of the EPU*. Ahli-ahli wakil Unit Perancang Ekonomi, Unit UKAS atau Unit Kerjasama Awam Swasta, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Bank Negara, *Securities Commission*, Bursa Malaysia dan 1MDB. Itu merupakan pasukan yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

■1200

Kita ada juga jawatankuasa kerja yang dipengerusikan oleh EPU, dan ahli-ahlinya adalah sama. Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk *facilitate* daripada segi prosedur-prosedur. Kalau ada apa-apa perkara yang berkaitan dengan *procedures* yang perlu dibincangkan, barulah kita panggil *meeting*. *Otherwise, we are not involved* dengan perkara-perkara.

Kita ada *a few meeting* yang kita telah buat untuk melihat apa-apa perkara. Pertamanya berkaitan dengan pembaikan Jalan Tun Razak *because we feel that* kalau ada TRX, kawasan itu akan jadi lebih *congested*. Jadi *we need to do something on the road*. *The other thing* yang kita perlu bincangkan adalah kedudukan Pejabat SMART Tunnel. Pejabat itu berada di hujung kawasan TRX. Jadi kita kata daripada segi *optimization of land*, dia hendak buat perpindahan dan dia buat penggantian juga. Bangunan itu pun dibina oleh 1MDB. Dan apa yang kita bincangkan di EPU memastikan daripada segi keselamatan, apabila TRX ini dibuat, ia tidak mengganggu *SMART Tunnel because SMART Tunnel take the priority, not TRX*. So kita melihat kepada perkara-perkara tersebut untuk memastikan kegunaan awam di jalan itu tidak *congested and also* keselamatan *SMART Tunnel*.

Those are the two important things that EPU is handling. *Other than that* dari segi peruntukan kewangan, setakat ini tidak ada apa-apa peruntukan kewangan yang kita beri kepada TRX *because* itu adalah merupakan inisiatif sepenuhnya 1MDB. Ada kemungkinan kita perlu membantu daripada segi jalan *because* jalan tersebut dia bukan- jalan yang panjang itu yang kita hendak baiki itu ia jalan di bawah bidang kuasa DBKL. Kita akan membantu DBKL daripada segi memastikan jalan tersebut diperbaiki supaya *congestion* boleh diatasi sebelum projek TRX berjalan sepenuhnya.

So itu secara sepintas lalu bagaimana TRX dan Bandar Malaysia di bawah penyeliaan, bukan penyeliaan projek tersebut tapi dari segi keperluan kementerian dengan DBKL. *Thank you*.

Tuan Pengerusi: Tadi ramai rakan saya hendak mencelah. Pasal apa, kita hairan juga kenapa pegawai pengawal dia PMO tetapi EPU, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menyelia EPU- tetapi EPU seolah-olah macam *dicompartmentalize* untuk buat penyelarasan TRX dengan Bandar Malaysia sahaja. Kementerian Kewangan pula hanya jadi fasilitator kewangan sahaja. Patutnya Menteri Kewangan yang *head the project, head the whole thing*. So sekarang ini, *can I have an answer from both of you, who is actually in charge, who is actually responsible for this 1MDB?*

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain [Setiausaha Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan, Kementerian Kewangan]: *Bismillahi Rahmani Rahim*.

Tuan Pengerusi: Pasal apa, nampak macam kedua-dua jabatan kerajaan ini jadi fasilitator sahaja. Akan tetapi siapa yang ambil *decision?*

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Boleh saya jelaskan?

Datuk Seri Reezal Merican: Tuan Pengerusi, saya hendak tambah sahaja sebelum- *I think* apa yang dibentangkan oleh Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi, *I think is very insightful. I think we want to revisit again on that particular thing that has been presented to us*.

Cuma macam mana yang disebut oleh Tuan Pengerusi, bahawa kita hendak mulakan tentang aspek-aspek yang membabitkan pengurusan dan kawalan pengurusan dan tadbir urus. *We want to know the source of authority* sebagaimana yang dimulakan. Mungkin sekejap lagi mungkin Dato' Dr. Isa hendak jelaskan sebab banyak benda yang ini berkisar kepada permulaan *source of authority*. *But* apa yang Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi itu, *we want to revisit again of the detail about that* nanti. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Tuan Pengerusi, boleh saya sambung sedikit berkaitan dengan *corporate matters*? Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Yang Berhormat Datuk Seri, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Ahli PAC.

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan yang hadir pada pagi ini, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya. *Actually* Tan Sri KSP meminta saya menjelaskan satu *very important component* berkaitan dengan *corporate matters* *because* tajuk yang diberi kepada MoF *actually* ada dua, iaitu satu berkaitan dengan kawalan pengurusan urus tadbir 1MDB, *then* sahabat saya Datuk Badri akan menjelaskan dengan lebih terperinci perkara berkaitan dengan jaminan, *government guarantee* atau GG nanti.

So bagi bab pertama ini, isu berkaitan dengan *corporate matters* ataupun lebih spesifik kawalan pengurusan urus tadbir 1MDB, saya akan bagi dalam enam bahagian, *just to explain a little bit more detail*. Bahagian pertama *I will do the little bit of* pengenalan dan fungsi, akta peraturan dan prinsip dasar semasa MKD...

Datuk Seri Reezal Merican: Ada *handout* tidak?

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Kita tidak sedia.

Tuan Pengerusi: Tidak *prepare handout* ya? Okey, tidak apalah.

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Kemudian kita bagilah. *And then* kronologi tadi *we will explain a little bit more detail* macam mana penubuhan 1MDB. *And then, we will relate at the end of the explanation* itu isu-isu yang berkaitan dengan 1MDB *in relation to our portfolio*.

Okey, bagi bahagian pertama, kawalan ataupun pengenalan MKD, *I think* ramai sudah tahu MKD ini merupakan satu bahagian yang begitu penting di Kementerian Kewangan dan saya pada masa ini menjadi ketuanya. Pengenalannya, MKD ditubuhkan sebagai badan korporat di bawah Akta Menteri Kewangan (Pemerbadanan) 1957. *We have a special act on the incorporation of MKD*. Kuasa kepada MKD termasuk menyertai kontrak, mengambil alih, membeli, mengambil, memegang dan menikmati segala harta alih dan harta tidak alih. Ini kuasa yang diberi kepada MKD. Sebagai pemegang saham bagi Kerajaan Persekutuan, MKD bertanggungjawab mengawasi pelaburan kerajaan. *So, we have a very clear authority*.

Sebagai fungsinya pula, MKD mengurus hal ehwal korporat, *all corporate matters*, termasuk pelaburan bagi pihak kerajaan dan keperluan kewangan bagi mana-mana syarikat MKD, secara umumnya. Kedua, mengkaji dan mengubah dasar kerajaan berkaitan pengurusan syarikat MKD. *So we will lay down all the policy given by the government to all MKD's companies*. Memantau dan mengkaji masalah syarikat MKD.

Kalau kita rasa ada syarikat MKD yang tidak begitu sihat, demam sikit ataupun demam banyak, *we will go and try to salvage or try to strengthen the company. Then,* mengurus pangkalan data. *As usual, we have to collect a relevant information.* Mengurus pelantikan wakil kerajaan dalam syarikat MKD. *That's were also part of our activities.*

Kita ada beberapa akta, peraturan yang mentadbir syarikat MKD. *For example,* Akta Syarikat 1965, ini peraturan yang utama. Kemudian Akta Menteri Kewangan 1957 tadi. *Then the important* akta lagi ataupun panduan ialah tatacara dan tataurusan ataupun *Memorandum and Article of Association for the respective companies; Listing Requirement of Bursa Malaysia; Capital Market Services Act 2007; The Malaysian Code of Take-Overs and Mergers 1998; The Malaysian Code of Corporate Governance 2012;* dan dari semasa ke semasa MKD juga mengeluarkan arahan ataupun peraturan-peraturan kepada semua syarikat MKD. Kita juga merujuk kepada undang-undang yang berkaitan dengan industri di mana syarikat MKD itu beroperasi. Contoh kalau IWK, kita akan tengok dengan SPAN. Kalau dengan MRT, kita akan rujuk kepada SPAD, contoh.

■1210

Secara prinsipnya, kita juga memastikan syarikat mempunyai model perniagaan yang jelas. *Business model. We have to ensure all MKD's companies must have a very relevant business model* supaya hasrat penubuhan syarikat berkenaan tercapai. *That is the very important requirement.*

Mengawal atau kawalan strategik dan tadbir urus bagi mengelak salah guna kuasa dalam syarikat MKD. Memastikan pengurusan syarikat menyediakan polisi, strategi dan SOP bagi memantapkan tadbir urus syarikat. *This is the standard requirement if you want to have an excellent company.* Merujuk kepada MKD bagi perkara-perkara yang memerlukan kelulusan pemegang saham.

Dasar semasa yang perlu dipatuhi oleh syarikat MKD, ada saya nak sebut yang *the main one,* Tuan Pengerusi. Pertamanya, pelantikan, penganjutan, penamatan serta penetapan terma dan syarat perkhidmatan bagi Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah bagi Pengarah Urusan ataupun CEO syarikat MKD, penubuhan syarikat subsidiari, penetapan skala gaji kakitangan syarikat MKD, prosedur perolehan-sebagai contoh, pada masa ini semua syarikat MKD yang membuat perolehan lebih daripada RM300 juta perlu merujuk kepada MoF.

Seterusnya pelaburan, pelupusan *substantial* yang dilaksanakan oleh syarikat MKD berdasarkan Artikel 132, Akta Syarikat. Kerjasama dengan rakan kongsi- *all joint ventures activity.* Keutamaan kepada bumiputera- ini dasar semasa.

Petunjuk prestasi utama, KPI. KPI kita ada *corporate* KPI, CEO KPI dan mereka perlu memberi *quarterly reporting to MKD.* Laporan kewangan syarikat *also they need to give us quarterly reporting.*

Apabila mereka hendak mengadakan *Annual General Meeting (AGM)* ataupun *Extraordinary General Meeting (EGM)* termasuk pindaan M&A syarikat, *divestment, capital reduction or share issuance.* *These are the common thing they have to refer to members to the shareholders.*

And also bila dia nak declare dividen kepada shareholders, bayaran bonus kepada kakitangan yang telah memberi sumbangan yang baik dan juga apabila mereka hendak melaksanakan corporate or financial restructuring, they have to refer to MKD.

The last one, any fund raising exercise termasuk equity capital ataupun debt capital. These are the broad direction yang kita perlu rujuk kepada MKD, Tuan Pengerusi.

Saya suka memberi sedikit maklumat korporat berkaitan dengan 1MDB ini. *At least* kita tahu apakah sebenarnya 1MDB ini. Ia telah ditubuhkan pada 31 Julai 2009. 1MDB. Sebuah syarikat milik penuh MKD, *hundred percent owned by MKD.*

Objektif penubuhannya, memacu pembangunan ekonomi negara yang mapan dalam jangka masa panjang melalui rakan kongsi strategik global di samping mempromosi pelaburan langsung asing (FDI). Memberi fokus kepada perkongsian strategik dengan syarikat *sovereign wealth fund* asing yang utama untuk pelaburan dalam sektor tenaga, hartanah, pertanian dan pelancongan. *These are the four broad area that they are intend to go into.* Akan tetapi, pada masa ini mereka cuma bermula dalam tenaga dan juga hartanah. *Another two* itu belum bermula lagi.

Modal dibenarkan ialah RM1 bilion, RM1 juta. Modal berbayar, RM1 bilion, RM1. 1MDB ada dua jenis saham. RM1 bilion *ordinary shares* dan RM1 *preference shares.*

Ahli Lembaga Pengarah, boleh saya sebut di sini, pengerusinya ialah Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin, Ahli Lembaga Pengarah, Datuk Shahrol Azrar Ibrahim Helmi, Tan Sri Dato' Paduka Ismee, Tan Sri Ong Gim Huat, Encik Ashvin J. Valiram, dan pada masa ini presidennya juga Encik Arul Kanda...

Tuan Pengerusi: Dato' Isa, saya dapat permintaan daripada Ahli PAC untuk *interject.* You nak habiskan you punya taklimat dulu atau...

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Ada satu lagi *slide.*

Tuan Pengerusi: Pasal apa, soalan yang saya terfikir sendiri yang saya nak tanya, pun ada banyak soalan juga.

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Ya. *So, can I go to the last...?*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kita bagi Dato' Isa dulu.

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: *One slide* lagi. Saya rasa Tuan Pengerusi, isu yang kita nak bincangkan- *because,* kalau saya pergi kepada isu berkaitan tadbir urus, nanti tak boleh *relate* dengan dia punya asas tadi. *So, I want to explain here* isu berkaitan dengan tadbir urus *in relation to* MKD punya *rule.*

So, isu yang pertama, tiada wakil kerajaan dalam Lembaga Pengarah 1MDB. *That to answer your question. Okay? So, I repeat again.* Tiada wakil kerajaan dalam Lembaga Pengarah 1MDB.

Tuan Pengerusi: *From PMO* ataupun MoF?

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: *I will explain,* Tuan Pengerusi.

Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar bin Abdullah: *Article of Memorandum. It's in the article.*

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Okey. MKD tidak mempunyai wakil di dalam Lembaga Pengarah disebabkan M&A. Syarikat tidak membenarkan pelantikan mana-mana pegawai kerajaan dalam Lembaga Pengarah 1MDB. *This one... [Disampuk] Yes. I can refer direct to M&A, Article 58.*

Datuk Seri Reezal Merican: Boleh ya? *My question, why was the M&A designed as such?*

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: *That one bila, I think Tan Sri KSP dah mentioned, kita mengambil alih started as the Terengganu Investment Authority (TIA) diberi kepada- telah dibuat semasa diwujudkan TIA sebelum diberi kepada MKD untuk take over. So that was the M&A.*

Datuk Seri Reezal Merican: *That does...*

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: *But you are hundred percent owned, you can amend the M&A, isn't it?*

Tuan Pengerusi: Tadi Dato'...

Datuk Seri Reezal Merican: *By having your preferential shares...*

Tuan Pengerusi: Kejap, kejap. Tadi Dato' *lay down all of your functions. Now on this issue M&A ini, you kata you were ignored. Is it a fair statement to say?*

Datuk Seri Reezal Merican: Maksudnya Dato' Dr. Isa, *I put to you, kalau nak mengatakan bahawa itu alasan, I think that's not entirely watertight because dalam, pertama, your preferential shares RM1 that allows you to make an amendment to M&A, request for amendment to be made in order to protect the interest of kerajaan by being syarikat pelaburan kerajaan.*

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Itu berlaku sebelum saya. *So, that's why. Kalau saya pada masa itu, probably I think I don't want to preempt lah my decision.*

Datuk Seri Reezal Merican: Dato' Isa, *I am not putting that personal to you. Don't get me wrong. Are you saying that there was an oversight by the side of government to do that?*

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: *I need to check the detail because saya cuma do the reporting what is happening in the past.*

Datuk Seri Reezal Merican: Waktu itu di bawah Pejabat Perdana Menteri atau bawah Kementerian Kewangan?

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: *I will come to that point.*

Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar bin Abdullah: *If you have this M&A, I don't know whether you all have this M&A, you refer to Article 117.*

Tuan Pengerusi: *Maybe you can give us a copy lah.*

Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar bin Abdullah: *I will give you a copy after this.*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Siregar bin Abdullah: *You know, Article 117 jelas even amendment to this M&A must go through PM, anything...*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Sir, tetapi the day it was...*

Tuan Pengerusi: *No, no, wait, wait. PM as PM or PM as MoF?*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Okay. That's clear. PM as PM, not PM as MoF.*

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Okey, ada dua perkara lagi saya nak sebut.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Cuma saya nak balik tadi. *Just one here.* Satu saja.

Tuan Pengerusi: *The BN side more eager.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tadi Dato' kata daripada awal 1MDB... *[Disampuk]* Tak, tak / *just want to put it right.* Daripada awal, 1MDB ini diperbadankan di bawah MoF. Daripada awal *formation* 1MDB, 1MDB ini ditubuhkan sebagai syarikat MKD, betul tak?

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Okey Yang Berhormat, boleh saya *explain* penubuhan 1MDB tadi. Saya akan *explain*.

Permulaannya dulu, sebenarnya pada Mac 2008, itu peringkat awal di mana cadangan untuk menubuhkan TIA, *March 2008*, dengan tujuan-tujuan tertentu. Okey? Pada masa itu, Disember 2008, kelulusan prinsip oleh Kabinet ataupun Kerajaan Persekutuan dan EXCO Kerajaan Negeri Terengganu ke atas pembentukan TIA dah dapat persetujuan. Okey. *So, 27 February 2009 to be exact*, TIA ditubuhkan. *Then April 2009*, Kabinet bersetuju untuk memberi jaminan kerajaan ke atas bon terbitan TIA pada masa itu berjumlah RM5 bilion.

■1220

Tuan Pengerusi: Masa itu Perdana Menteri Pak Lah ya?

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Tahun 2009, bulan April.

Tuan Pengerusi: Bulan April. Bukan masa Pak Lah, masa Dato' Sri Mohd. Najib. Okey.

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Okey. Tuan Pengerusi, pada 22 Mei 2009, wakil Kerajaan Negeri Terengganu dalam TIA tidak berpuas hati, ini telah *dimentioned* oleh Tan Sri KSP tadi, dan mengeluarkan...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *Sorry*, tarikh apa tadi?

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Pada 22 Mei 2009, wakil Kerajaan Negeri Terengganu dalam TIA tidak berpuas hati dan mengeluarkan surat kepada *Lead Arranger*, AmInvestment Bank supaya memberhentikan penerbitan bon berjumlah RM5 bilion tadi memandangkan banyak isu dan perkara berhubung TIA dan penubuhan Yayasan TIA belum dimuktamadkan. Inilah masalahnya pada masa itu.

Tuan Pengerusi: Jadi apa yang Datuk Seri Ahmad Said cakap itu betullah?

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Saya tidak berapa tahu.

Tuan Pengerusi: Bekas Menteri Besar dia.

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Okey, saya teruskan sedikit. Pada 4 Jun Tuan Pengerusi, MoF menerima dua laporan daripada wakil Kerajaan Negeri Terengganu, iaitu satu mengenai *corporate governances* dan satu lagi mengenai transparensi TIA. Hasil daripada laporan ini mencadangkan supaya Kerajaan Pusat mengambil alih. *That was the starting point why we have to take over TIA from MBI.* Pada masa itu dia punya *ownership is under Menteri Besar Incorporated, exactly MKD at the state level, for other information.*

Pada 8 Julai 2009, Kabinet memutuskan supaya Kerajaan Persekutuan mengambil alih TIA. *That was the Cabinet decision. Very clear, ada arahan itu.* Pada 20 Julai 2009, Kerajaan Persekutuan mengumumkan pengambilalihan TIA dengan harga RM1,000,000,002 dan terus menukar nama kepada 1MDB. *That was the history how...*

Tuan Pengerusi: *Is it a cash transaction atau just a transfer of shares sahaja?*

Dato' Dr. Mohamad Isa bin Hussain: Bilion.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *Transaction.*

Tuan Pengerusi: Tidak. *Paid that RM1 bilion atau apa, tidak?*

